



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG  
UNIT PEMBANGUNAN BAKAT MURID  
D/A PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN WESTLANDS,  
JALAN PADANG VICTORIA,  
10400 PULAU PINANG

Tel : +604 228 5831 / 3858  
Faks : +604 228 6248  
Laman Web : <http://jpnpp.moe.gov.my>

Rujukan Tuan : MSN/PP/009.25(43)  
Rujukan Kami : JPNPP(SUK)600-2/9 ( 4 )  
Tarikh : 08hb Januari 2020.

Pengarah,  
Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang,  
Jalan Sultan Azlan Shah, Batu Uban,  
11700 Pulau Pinang.

Sila edarkan kepada  
sekolah yang terlibat

Tuan,

**PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK MENGLIBATKAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH  
DAN MENENGAH BAGI MENYERTA KEJOHANAN CATUR 'SPORTS FOR ALL, CHESS  
FOR ALL' PERINGKAT NEGERI 2020 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas. Surat tuan berkenaan perkara yang tersebut di atas, bertarikh 08hb. Januari 2020 adalah dirujuk.

2. Sukacita di maklumkan bahawa, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang tiada halangan membenarkan penyertaan pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah menyertai kejohanan tersebut seperti ketetapan berikut:-

Tarikh : 11 – 12 Januari 2020  
Masa : 10.00 pagi – 7.00 malam  
Tempat : Tingkat 3, Prangin Mall

Oleh itu pihak tuan adalah dikehendaki mematuhi syarat-syarat berikut:-

- *Memperolehi kebenaran bertulis daripada Guru Besar / Pengetua sekolah.*
- *Mendapat kebenaran bertulis daripada ibubapa/waris pelajar yang terlibat.*
- *Aktiviti berkenaan dikawalselia oleh guru penasihat atau Pegawai Pasukan/ Persatuan berkenaan.*
- *Tiada terdapat unsur paksaan dalam mendapatkan penyertaan.*
- *Sebarang yuran/bayaran yang dikenakan adalah tanggungan pelajar sendiri dan semua pembayaran perlu dikeluarkan resit rasmi.*
- *Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Pendidikan Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perkara yang tidak diingini jika berlaku.*
- *Pihak tuan dikehendaki menjaga kebajikan pelajar-pelajar yang terlibat dan mempunyai perlindungan insuran.*
- *Pelajar-pelajar terlibat tidak layak untuk sebarang tuntutan dari Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang atau Kementerian Pendidikan Malaysia.*
- *Pegawai yang bertanggungjawab adalah pegawai yang dilantik oleh pihak tuan.*

PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK MENGLIBATKAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH BAGI MENYERTAI KEJOHANAN CATUR 'SPORTS FOR ALL, CHESS FOR ALL' PERINGKAT NEGERI 2020 PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG

- *Aktiviti tersebut tidak menjejaskan proses pengajaran & pembelajaran pelajar-pelajar yang terlibat.*
- *Pengecualian aktiviti kokurikulum/sukan hendaklah mendapat persetujuan Pengetua/Guru besar sekolah.*
- *Mendapat kebenaran Pengetua/Guru Besar jika program atau aktiviti melibatkan hari Sabtu (minggu kedua dan keempat sahaja dibenarkan), manakala hari Sabtu (minggu pertama, ketiga dan kelima) serta hari Ahad adalah tidak dibenarkan (Surat Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 2 Tahun 2016 bertarikh 07 Mac 2016).*
- *Sila bawa surat ini dan edarkannya bersama surat tuan kepada sekolah-sekolah yang terlibat untuk mendapatkan kebenaran Guru Besar/Pengetua.*
- *Kebenaran ini tidak sah selepas 12hb. Januari 2020.*

Kerjasama pihak tuan dalam hal ini amatlah dihargai. Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( HJ. ZAHARI BIN ZAKARIAH )**

Ketua Penolong Pengarah Kanan,  
Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan,  
(Menjalankan Tugas Timbalan Pengarah Pembangunan Murid),  
b.p. Pengarah Pendidikan  
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang  
No. Tel : 04-6521194 / 04-6521195  
No. Faks : 04-6521014  
E-mel : zahari.zakariah@jpnpp.edu.my

s.k.:

1. Pengarah Pendidikan
2. KPP Unit Pembangunan Bakat Murid, JPNPP
3. Pegawai Pendidikan Daerah Timur Laut/ Barat Daya/ Utara/ Tengah/ Selatan